

»» **BANK** »»
SOALAN
UASA
GEOGRAFI

Tingkatan

3

KSSM

Bahagian

Bab 3

Pengaruh Persekitaran Fizikal terhadap Kepelbagaian Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar

1. Maklumat berikut merujuk kepada ciri-ciri sejenis tumbuhan semula jadi.

- Batang lurus
- Pokok berbentuk kon
- Daun kecil dan berbentuk jarum


Faktor yang mempengaruhi ciri-ciri tumbuhan semula jadi tersebut ialah

- I saliran buruk
- II tanah podzol
- III iklim Siberia
- IV pinggir laut

- A** I dan II
- B** I dan IV

- C** II dan III
- D** III dan IV

2. Apakah tumbuhan semula jadi utama yang dapat dikaitkan dengan X?



Rajah 1

- A** Hutan Paya Air Tawar
- B** Hutan Monsun Tropika
- C** Hutan Mediterranean
- D** Hutan Paya Air Masin

3. Maklumat berikut menunjukkan kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi di dunia.

- Tumbuhan Gurun Panas
- Hutan Monsun Tropika
- Hutan Konifer

Faktor utama yang mempengaruhi kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut ialah

- A** bentuk muka bumi
- B** saliran
- C** tanah
- D** iklim



4. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri iklim di suatu kawasan.

- Julat suhu tahunan: 30°C hingga 50°C
- Hujan tahunan: kira-kira 500 mm
- Salji turun pada musim sejuk

Tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar di kawasan yang mengalami ciri-ciri iklim tersebut ialah

	Tumbuh-tumbuhan	Hidupan liar
A	Kaktus, akasia	Badak air, lynx
B	<i>Paper birch</i> , pain	<i>Mink</i> , rubah putih
C	Jati, inkanyin	<i>Yak</i> , ilama
D	<i>Fir</i> , <i>maple</i>	<i>Penguin</i> , kuda belang

5. Foto 1 menunjukkan sejenis hidupan liar.



Foto 1

Jenis iklim yang mempengaruhi habitat hidupan liar tersebut ialah

- A Laurentia
- B Gurun Panas
- C Monsun Tropika
- D Siberia

Bahagian B**Bab 1 Jadual dan Graf**

Jumlah pengeluaran petroleum mentah pada tahun 2014 ialah 12.5 juta tan metrik. Jumlah pengeluaran meningkat kepada 15.5 juta tan metrik pada tahun 2015 dan 16.0 juta tan metrik pada tahun 2016. Jumlah pengeluaran petroleum mentah menurun pada tahun 2017 kepada 15.5 juta tan metrik.

(Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia)

1. (a) Bina sebuah jadual yang lengkap berdasarkan maklumat tersebut.

[6 markah]


- (b) Berdasarkan jadual yang dibina, lukiskan graf bar mudah yang menunjukkan jumlah pengeluaran petroleum mentah dari tahun 2014 hingga tahun 2017 di Malaysia.

Gunakan skala 1 cm bersamaan 2.0 juta tan metrik untuk graf tersebut.

[8 markah]

- (c) Merujuk kepada graf yang anda lukis, apakah yang dapat ditafsirkan tentang pengeluaran petroleum mentah dari tahun 2014 hingga tahun 2017 di Malaysia?

[6 markah]





Bab 4 Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

2. (a) Terangkan faktor-faktor bentuk muka bumi yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

[5 markah]

- (b) Terangkan kesan negatif penerokaan tumbuh-tumbuhan semula jadi terhadap alam sekitar.

[5 markah]

3. (a) Terangkan ciri-ciri Hutan Paya Air Masin.

[4 markah]

(b) Huraikan kepentingan Hutan Paya Air Masin kepada ekonomi negara.

[6 markah]

Bab 5 Hidupan Liar di Malaysia

Petikan berikut tentang perdagangan hidupan liar.

PETALING JAYA: Sindiket perdagangan haram hidupan liar di negara ini meningkat pada tahap membimbangkan walaupun penguatkuasaan yang ketat dan hukuman berat dikenakan kepada pasalah. Antara haiwan yang sangat dicari oleh pemburu haram di Malaysia adalah babi hutan, rusa sambar, kijang, kancil dan landak serta beberapa spesies burung yang jarang ditemui.

(<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa>)

4. (a) Pada pengetahuan anda, mengapakah perdagangan hidupan liar semakin meningkat?

[4 markah]